

# Warta CERMAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Bil. 48 Tahun 4

Disember 1997

ISSN 0128-8431

Pesanan daripada YB. Menteri

## MENGHADAPI CABARAN EKONOMI NEGARA

Negara kita, seperti juga beberapa negara lain di rantau Asia Timur sedang menghadapi krisis ekonomi. Kejatuhan nilai matawang mereka berbanding dolar Amerika telah memburukkan lagi sistem ekonomi dan kewangan negara-negara tersebut. Namun demikian, negara kita masih mampu bertahan kerana asas ekonomi kita kukuh dan sistem kewangan kita kekal stabil.

Kesan pergolakan ekonomi negara tidak dapat kita nafikan. Ia membebankan semua pengguna, sama ada mereka pegawai Kerajaan, pekerja swasta, peniaga, petani ataupun nelayan. Dalam menghadapi cabaran ini, perancangan teliti dan pengorbanan adalah perlu.

YAB. Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku Menteri Kewangan telah mengumumkan beberapa langkah menstabilkan ekonomi negara. Adalah penting bagi kita sebagai pengguna untuk memahami langkah-langkah yang digariskan oleh Kerajaan dan memainkan peranan masing-masing untuk kebaikan bersama.

Kadar inflasi kekal di bawah kadar 3% tetapi tekanan harga ke atas harga barang, terutamanya barang import dijangka berlaku.

Perkara yang membimbangkan ialah jumlah besar bahan makanan yang diimport. Data menunjukkan bahawa pengguna membelanjakan kira-kira RM9,000 juta pada

tahun lalu untuk mengimport bahan makanan. Kita mengimport gula, gandum, ubi kentang,

*Adalah penting bagi kita sebagai pengguna untuk memahami langkah-langkah yang digariskan oleh Kerajaan dan memainkan peranan masing-masing untuk kebaikan bersama.*




YB. Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob

bawang, beras, daging dan sebagainya. Keadaan ekonomi yang baik sejak 10 tahun yang lalu menyebabkan citarasa kita gemarkan barang makanan import seperti keju, buah-buahan, biskut, cokelat, spaghetti, makaroni dan sebagainya.

Saya menasihatkan semua pengguna supaya berhati-hati apabila melakukan perbelanjaan supaya mengurangkan pembelian barang-barang import. Gunakan barang-barang buatan tempatan.

Akibat kejatuhan nilai ringgit, Kerajaan terpaksa memberi kenaikan harga beberapa barang utama seperti gula, tepung, susu dan ayam. Walaupun ayam dihasilkan dalam negeri, makanan ayam diimport dan ini menyebabkan kos membela ayam meningkat.

Bersambung ke hal. 8



# AMALKAN SIKAP BERSEDERHANA

Pada akhir bulan Januari, rakyat Malaysia berketurunan Cina akan menyambut Tahun Baru Cina sementara mereka yang beragama Islam akan menyambut Hari Raya Puasa. Lazimnya, pada musim perayaan sebegini, pakaian baru dibeli, kuih-muih dibuat, langsir baru ditempah, rumah dicat atau dihias serta rumah terbuka diadakan untuk rakan-rakan dan sanak-saudara. Namun, pada tahun ini, pengguna haruslah lebih berhati-hati dalam melakukan perbelanjaan dan mengamalkan kesederhanaan setiap masa. Kenaikan harga barang-barang yang diimport tidak dapat dielakkan akibat penurunan nilai ringgit. Kuasa membeli kita sudah berkurangan.

Sebagai pengguna, kita haruslah bijak membuat perancangan dengan mengambil kira kemampuan kita. Buatlah persiapan awal untuk membandingkan harga sebelum membeli sesuatu barang. Barang-barang tahan lama yang masih elok bolehlah digunakan semula tanpa membeli yang baru sebagai pengganti. Utamakan barang tempatan semasa membeli. Setiap kali kita membeli barang import, berlaku aliran keluar wang kita. Kaum wanita yang menguruskan perbelanjaan harian isi rumah harus lebih berjimat cermat. Belilah bahan-bahan makanan dari pasar atau kedai serbaneka yang menjual bahan-bahan tersebut pada harga yang rendah dan berpatutan. Jangan masak berlebihan sehingga tidak habis dimakan dan terpaksa dibuang. Kurangkan pembelian atau pembuatan kuih-muih yang manis. Elakkan membeli barang, terutamanya barang kawalan seperti gula, beras dan tepung lebih daripada yang diperlukan. Ini akan mengakibatkan kekurangan bekalan barang-barang tersebut di pasaran.

Bagi pengguna yang kreatif, mereka tidak perlu membelanjakan wang yang banyak untuk membeli kad-kad ucapan yang mahal. Kitar semula kad-kad tahun lepas dengan membuat pindaan sedikit secara kreatif atau buat kad baru dengan membeli bahan-bahan alatulis.

Kalau mengadakan rumah terbuka, buatlah secara sederhana. Sanak-saudara yang berkumpul dengan tujuan mengeratkan rasa persaudaraan dan menghayati segala yang ada pada kita dan bukanlah untuk makan melampaui batasan.

Sempena musim perayaan akan datang, Kementerian sedang menggiatkan pemeriksaan ke atas pasar-pasar dan premis-premis perniagaan untuk memastikan penyelewengan tidak berlaku. Namun begitu, terdapat terlalu ramai peniaga untuk pegawai-pegawai penguatkuasa awasi sepanjang masa. Oleh yang demikian, kerjasama daripada pengguna sangat diperlukan untuk memastikan mereka tidak ditipu dan sekiranya ditipu atau tahu mengenai penyelewengan perdagangan, laporkan dengan segera kepada Bahagian Penguatkuasa KPDN & HEP. Siasatan akan dibuat dan tindakan sesuai akan diambil.



**Y.Bhg. Dato' Mohamad Noor Abdul Rahim**

**Dato' Mohamad Noor Abdul Rahim,  
Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan  
Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.**

**Penasihat**

YB. Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

## Sidang Redaksi

**Ketua Pengarang**

Y. Bhg. Dato' Mohamad Noor Abdul Rahim

**Penasihat Pengarang**

Prof. Mohd Hamdan Adnan  
Prof. Dr. Sothi S. Rachagan

Pengedar: FOMCA

**Pengarang**

Encik Mohamed Iqbal Mohd Shafi  
Encik Zulkipli Abu Bakar

**Penolong Pengarang**

Encik Lim Ming Lee  
Puan P. Jayanthi

Warta CERMAT merupakan projek usahasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA dan diterbitkan secara bulanan. Sumbangan rencana, berita dan surat boleh dihantar kepada:

Ketua Pengarang  
Warta CERMAT  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna,  
Bahagian Hal Ehwal Pengguna,  
Tingkat 23, Menara Maybank,  
100, Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2329955  
Fax: 03-2389558

# ADUAN PENGGUNA

Pelbagai jenis penyelewengan berlaku dalam pasaran dengan tujuan meraih keuntungan yang berlebihan tanpa mengira kesannya ke atas masyarakat. Di antara penyelewengan yang berlaku ialah menyorok barang kawalan, membuat kenyataan palsu semasa menawarkan barang/perkhidmatan, menipu dalam timbangan dan sukatan dan kegiatan mencetak rompak atau menyalin karya hakcipta orang lain.

Sekiranya anda tahu atau mempunyai maklumat tentang penyelewengan perdagangan, buatlah aduan dengan segera ke Bahagian Penguatuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP). Perkara-perkara yang boleh diutarakan ke Bahagian Penguatuasa ialah:

- Berniaga barang kawalan tanpa lesen
- Enggan menjual barang kawalan
- Mengenakan syarat dalam menjual barang kawalan
- Melanggar syarat-syarat lesen barang kawalan
- Menyorok barang kawalan
- Gagal meletakkan tanda harga ke atas barang-barang yang dijual
- Mengedarkan barang-barang tanpa label alamat pembuatnya, komposisi bahan atau beratan dan sukatan barang itu.
- Membuat atau menjual barang-barang tiruan atau menggunakan perihal dagangan palsu
- Mengadakan tawaran jualan murah tanpa kelulusan
- Memperihalkan harga secara mengelirukan
- Tidak mematuhi prosedur dalam mengadakan tawaran jualan murah
- Membuat kenyataan atau pengiklanan palsu dalam menawarkan barang-barang atau perkhidmatan
- Menggunakan perbahasan "Halal" secara tidak betul
- Gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam urusan penjualan melalui perjanjian sewa-beli.
- Menarik balik barang-barang sewa-beli tanpa mengikut peraturan
- Berniaga alat timbang dan sukat tanpa lesen
- Melanggar syarat-syarat lesen timbang dan sukat

- Mengguna untuk perdagangan alat-alat timbang dan sukat yang tidak disahkan
- Menipu dalam timbangan dan sukatan
- Mencetak rompak, meniru atau menyalin karya hakcipta orang lain
- Mengadakan jualan langsung dalam waktu-waktu yang tidak dibenarkan
- Menjalankan aktiviti jualan langsung tanpa hak kuasa.


Di bawah Kempen Pencegahan Penyelewengan Perdagangan yang dilancarkan oleh KPDN & HEP, orang ramai boleh membuat aduan berkaitan penyelewengan perdagangan dengan menulis kepada **Peti Surat 8000, Kuala Lumpur**. Pengadu hanya perlu mengisi butir-butir tertentu pada poskad khas yang disediakan dan mengeposnya dengan percuma (tanpa setem). Poskad boleh diperolehi daripada pejabat-pejabat Bahagian Penguatuasa di seluruh negara.

Sekiranya pengadu tidak mempunyai poskad tersebut, mereka masih boleh mengemukakan aduan dengan mengemukakan nama, alamat serta perkara yang hendak diadukan serta nama, alamat dan nombor kad pengenalan pengadu dengan menggunakan sampul biasa dan mengalamatkan surat kepada **Peti Surat 8000, Kuala Lumpur**. Setem tidak perlu ditampal. Aduan melalui telefon boleh dibuat dengan memanggil **03-4436888/03-4437888/03-4433366 samb. 2451**. Setiap aduan yang diterima akan disiasat.

Walaupun KPDN & HEP sering menjalankan pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan, kerjasama orang ramai amat penting bagi membongkar penyelewengan perdagangan. Jadilah pengguna yang bertanggungjawab. Buatlah aduan mengenai penyelewengan yang berlaku di sekitar anda.

No.K.P. Pengadu	<input type="text"/>
<b>KEMENPEN PENCEGAHAN PENYELEWENGAN PERDAGANGAN</b>	
(Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)	
Nama Kedai/Pekedai/Orang Perseorangan .....	
Alamat .....	
Perkara yang diadukan .....	
Tiap-tiap aduan akan disiasat	

*Contoh*  
Kepada:

<b>URUSAN KERAJAAN MALAYSIA</b>	
TIDAK PERLU SETEM	
<b>PETI SURAT 8000 KUALA LUMPUR</b>	



*Pengguna juga harus memainkan peranan penting dalam menyokong usaha-usaha Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan. Selain dari menerima potongan gaji dan elaun, pengguna boleh melakukan beberapa tindakan untuk meredakan kesan kegawatan ekonomi ke atas kehidupan masing-masing*

# PERANAN PENGGUNA DALAM KEADAAN KEGAWATAN EKONOMI

### Keadaan Ekonomi Semasa

Kegawatan ekonomi yang berlaku di negara-negara Asia Timur bermula apabila baht Negeri Thai diserang oleh spekulator matawang. Nilai baht jatuh begitu cepat berbanding dolar Amerika dan ini menyebabkan kemerosotan ekonomi dan sistem kewangan Negeri Thai. Kesan krisis ekonomi di Negeri Thai merebak ke Indonesia, Malaysia dan Filipina, termasuk beberapa negara Asia Timur yang lain, menerusi pasaran saham dan pasaran matawang. Ekoran daripada itu, Negeri Thai, Indonesia dan Korea Selatan terpaksa mendapatkan bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Negara kita juga turut diserang oleh penyangak ekonomi. Nilai ringgit telah jatuh 70 % berbanding dolar Amerika. Pasaran saham pula kerugian lebih kurang RM500 bilion. Kegawatan ekonomi sekarang disebabkan penarikan dana pelaburan

jangka masa pendek kerana pelabur kehilangan keyakinan.

### Kesan Kepada Ekonomi Negara

Kegawatan ekonomi yang berlaku mempunyai kesan besar kepada ekonomi negara ini. Ia mempunyai implikasi besar ke atas rakyat, tidak kira sama ada mereka pegawai Kerajaan, pekerja swasta, peniaga, nelayan ataupun petani. Beberapa projek pembangunan terpaksa ditangguhkan. Sistem kewangan telah diperketatkan dengan pengenaan syarat-syarat yang lebih ketat untuk memberi pinjaman hanya kepada aktiviti ekonomi yang produktif. Pinjaman yang telah diambil dari luar negara untuk membiayai projek-projek terpaksa

dibayarbalik dengan kos yang lebih akibat kejatuhan nilai ringgit. Akibat dari ini, syarikat-syarikat tempatan mungkin tidak dapat membayar balik hutang dan terpaksa tutup. Pengangguran mungkin juga berlaku. Untuk mengurangkan kesan kepada ekonomi, perbelanjaan Kerajaan terpaksa dikurangkan. Oleh itu, gaji ahli-ahli kabinet dan pegawai Kerajaan dalam beberapa kategori terpaksa dipotong serta elaun pegawai-pegawai Kerajaan dikurangkan. Pihak swasta juga terpaksa



*Sebagai pengguna, kita harus mendapatkan nilai terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.*

mengurangkan kadar upah atau memotong gaji jika keadaan memaksa. Selain itu, sektor perbankan diperkuatkan. Syarikat-syarikat kewangan kecil diarah bergabung. Untuk menjaga kepentingan pengguna, permintaan kenaikan tol ditolak.

### Kesan Kepada Pengguna

Nilai import kita yang tinggi menyebabkan kurangan atau defisit dalam Imbalan Pembayaran. Selama ini, kita telah banyak bergantung kepada pengimportan bahan makanan, pakaian, jentera, barang kemas, perabot, kereta dan sebagainya. Negara kita membelanjakan kira-kira RM 10 ribu juta setiap tahun untuk mengimport bahan makanan sahaja. Pelbagai jenis makanan seperti keju, mentega, ubi kentang, bawang, buah-buahan, daging, cokelat, biskut diimport untuk memenuhi citarasa pengguna. Urusniaga antarabangsa dijalankan dengan menggunakan dolar Amerika Syarikat. Oleh itu, dengan kejatuhan nilai ringgit, harga barang-barang import akan meningkat dengan mendadak. Sungguhpun harga barang kawalan ditetapkan, kenaikan harga yang diminta oleh pengimport terpaksa dipertimbangkan. Kemerosotan nilai ringgit dan harga import yang lebih tinggi telah memaksa Kerajaan membenarkan kenaikan harga bagi barang kawalan yang diimport seperti gula, tepung gandum dan susu. Kebanyakan barang-barang lain yang tidak dikawal akan naik harga jika diimport atau menggunakan bahan yang diimport. Kenaikan harga juga didorong oleh keadaan cuaca dan bekalan, termasuk jumlah permintaan.

### Peranan Pengguna

Pengguna juga harus memainkan peranan penting dalam menyokong usaha-usaha Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan. Selain dari menerima potongan gaji dan elaun, pengguna boleh melakukan beberapa tindakan untuk meredakan kesan kegawatan ekonomi ke atas kehidupan masing-masing. Beberapa langkah berjimat-cermat boleh dilakukan oleh pengguna.

Sebagai pengguna, kita harus mendapatkan nilai terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan. Apabila membeli-belah, pengguna perlu bijak memilih barang yang dijual pada harga yang berpatutan. Belilah di kedai-kedai harga patut dan bandingkan harga barang sebelum membeli. Bagi barang keperluan dapur, pembelian boleh dibuat secara pukal.

Pengguna tidak seharusnya membeli barang secara berlebihan kerana ini akan mengakibatkan kekurangan bekalan dalam pasaran, jika permintaan bertambah secara mendadak. Contoh yang ketara sekarang ialah kekurangan gula tapis di pasaran walaupun pengeluar telah menambah bekalan. Elakkan pembelian panik kerana bimbang tentang kenaikan harga.

Untuk menampung kos bahan makanan yang akan meningkat akibat kenaikan harga, pengguna digalakkan menanam sayur-sayuran untuk keperluan sendiri. Sayur-sayuran yang mudah ditanam seperti cili, bendi, tomato, sawi, daun bawang, terung dan sebagainya boleh ditanam di sekitar halaman rumah. Mereka yang tidak mempunyai tanah boleh menggunakan teknik hidroponik untuk menghasilkan sayur-sayuran. Nasihat dan benih boleh diperolehi dari Jabatan Pertanian yang berdekatan.

*Pengguna juga harus memainkan peranan penting dalam menyokong usaha-usaha Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan. Selain dari menerima potongan gaji dan elaun, pengguna boleh melakukan beberapa tindakan untuk meredakan kesan kegawatan ekonomi ke atas kehidupan masing-masing. Beberapa langkah berjimat-cermat boleh dilakukan oleh pengguna.*

Apabila membeli barang-barang dapur dan barang-barang makanan kering, bandingkan harga dan jenis-jenis barang yang ada. Beli jenis yang lebih murah daripada yang mahal. Tukar selera dari barang import ke barang buatan tempatan seperti tepung, jem dan cuba cari barang gantian seperti kaya kepada jem dan mentega.

Perkhidmatan yang boleh dilakukan sendiri haruslah dibuat sendiri. Umpamanya, kenderaan boleh dicuci sendiri di rumah tanpa menghantar ke kedai mencuci kereta. Mereka yang tahu menjahit bolehlah menjahit sendiri pakaian dan langsir. Sekiranya mengadakan kenduri, elakkan mengadakannya di hotel-hotel atau restoran yang mahal.

Amalkan tabiat makan di rumah kerana makan di luar rumah adalah mahal. Setakat mana yang boleh, bawa bekalan ke pejabat. Elakkan membeli air yang dibotolkan. Air paip boleh diminum dan selamat. Anak-anak juga harus diajar berjimat-cermat dengan membawa bekalan ke sekolah. Di samping menjimatkan perbelanjaan, makanan yang disediakan di rumah lebih bersih dan segar daripada yang dibeli.

Bersambung ke hal. 7

Sempena Hari Makanan Sedunia, PAC, PAN-AP, FOMCA dan ERA Konsumer menganjurkan:

## PESTA ORGANIK

Sempena Hari Makanan sedunia, beberapa buah persatuan bergabung tenaga menganjurkan Pesta Organik untuk melancarkan kempen "Makanan yang Selamat". Pesta ini diadakan pada 16 Oktober 1997 di Dewan St. John's Ambulance, Ipoh, Perak.

Pesta yang bertemakan "Land for Food" ini bertujuan untuk :-

- Memberi pendedahan kepada orang awam mengenai pertanian organik dan keluaran organik terutama di kalangan penghuni-penghuni bandar.
- Memudahkan perkongsian maklumat dan pengalaman antara petani-petani yang melaksanakan cara pertanian organik dan agensi-agensi kerajaan.
- Menaikkan kesedaran terhadap makanan yang selamat dengan mengeluarkan makanan yang bebas daripada racun perosak, anti-biotik dan pengubahsuaian hormon dan genetik.

Penganjur Pesta ini terdiri daripada Persatuan Pengguna Perak (PCA), Rangkaian Bertindak Racun Perosak Asia Pasifik (PAN-AP), Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Persatuan Penyelidikan dan Pendidikan Pengguna Perak (ERA Konsumer).

Ucapan aluan disampaikan oleh Presiden PCA, Abdul Rahman Said Ali diikuti oleh ucapan dasar seminar daripada Pn. Sarojini Rengam, Pengarah Eksekutif PAN-AP. Jenifer Mourin daripada PAN-AP pula membentangkan topik mengenai penjualan hasil-hasil organik.

Di samping itu, persembahan slaid mengenai cara-cara pertanian organik juga diadakan oleh Encik Steven Leong dari Sungkai. Wakil Jabatan Pertanian Seberang Prai turut mengambil bahagian dengan ceramah mengenai kompos jerami padi.

Beberapa resolusi telah dibuat daripada keseluruhan perbincangan di Pesta ini, iaitu :

- Menggesa semua pihak, terutama kerajaan menggalakkan seminar organik bagi mendedahkan masyarakat khususnya petani mengenai kebaikan kaedah ini.
- Pengimportan makanan harus dikurangkan untuk menaikkan taraf keselamatan makanan dan untuk mengurangkan bil import yang dikatakan berjumlah RM 8.2 billion tahun lepas.

- Kerajaan harus menggalakkan pihak sekolah untuk memperkenalkan kaedah pertanian organik kepada pelajar.
- Satu badan bagi mengawasi keseluruhan mutu makanan dan menyediakan piawaian pertanian organik harus diwujudkan.
- Kementerian Pertanian tidak seharusnya menyekat pengaliran masuk hasil pertanian dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia.
- Kerajaan harus mendedahkan orang ramai mengenai pertanian organik untuk memupuk minat mereka dan seterusnya menjadikan kegiatan ini sebagai satu hobi yang boleh diperaktikkan secara kecilan di kawasan rumah.

Tetamu khas, Datuk G. Rajoo, Pengurus Jawatankuasa Pengguna dan Perpaduan Negeri (wakil Menteri Besar Perak, YAB. Tan Sri Ramli Ngah Talib) hadir untuk melancarkan dan merasmikan Pesta Organik ini. Menurutnya, kaedah pertanian organik bukan sahaja menjimatkan kos pengeluaran, malah dapat menjamin kesihatan pengguna ke tahap yang lebih baik.

Sempena pesta ini juga beberapa gerai pameran turut disediakan. Antara pameran yang diadakan ialah pertunjukan cara memproses baja secara organik iaitu kompos oleh Jabatan Pertanian Perak, demonstrasi ulam-ulaman dan penjualan buah-buahan tempatan oleh FAMA, ciri-ciri keselamatan makanan oleh Pejabat Kesihatan, penjualan ikan oleh Jabatan Perikanan serta penjualan hasil pertanian oleh petani-petani dari Pulau Pinang dan Cameron Highlands yang melaksanakan pertanian organik.

Maka, adalah diharapkan dengan pesta seumpama ini semua pihak, terutama para pengguna dapat mengambil manfaat dan menjayakan usaha Kerajaan mengurangkan pergantungan kepada barang (makanan) import.

Persatuan-persatuan dan Kelab-kelab Pengguna di seluruh negara dipelawa menyumbang mengenai sebarang kegiatan masing-masing dalam bentuk artikel dan gambar untuk dimuatkan dalam ruangan ini. Semua sumbangan hendaklah dialamatkan kepada: Ketua Pengarang CERMAT, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tingkat 23, Menara Maybank, 50050 K. Lumpur.

# Memilih Payung yang Bagus

**S**ediakan payung sebelum hujan. Demikianlah pepatah Melayu yang mengingatkan orang ramai supaya sentiasa bersedia dan berhati-hati dalam setiap perkara dan tidak membuat sesuatu dalam keadaan terdesak atau hanya apabila sudah terlewati.

Namun begitu, dalam menyebut perihal payung ini, ia merujuk kepada barang payung itu sendiri. Iaitu fungsi payung sebagai alat untuk melindungi orang ramai daripada cahaya panas terik dan hujan. Oleh itu, sebagai pengguna yang bijak dan sentiasa bersedia, kita juga perlulah tahu cara-cara memilih payung yang bagus serta sesuai dengan fungsinya. Berikut ialah bagaimana anda boleh memilih payung yang bagus:

→ Carilah rangka atau bingkai yang bagus, kuat dan tegap. Rangka yang bercat mungkin mengelupas dan cepat luntur. Rangka kayu pula ringan tetapi mungkin mahal. Pilihan yang terbaik ialah rangka krom (*chromed*); lebih tahan, tidak berkarat, tebal, bersih serta berkilat.

→ Pastikan jahitan pada klip dan hujung dijahit kemas. Fabrik payung usah diregang terlalu tegang kerana ia boleh meninggalkan ruang di sepanjang garis jahitan dan menyebabkan tiris apabila hujan lebat. Pada bahagian hujung payung juga pastikan ia dijahit kemas tertutup atau dipateri bagi mengelak ia mudah terbertas dan tiris.

→ Tangkai payung juga perlu dipastikan tegap dan utuh bagi mengelak daripada mudah tertanggal, sama ada daripada plastik maupun kayu.

→ Pilihlah payung yang mempunyai tenunan fabrik yang halus dan licin. Tenunan fabrik yang kasar boleh menyebabkan ia tidak kalis dan menghasilkan ruang yang tidak diingini (terutama apabila hujan lebat).

→ Seboleh mungkin, pilihlah payung yang berwarna gelap. Ini kerana ia boleh melindungi cahaya panas daripada terus menembusi dan tahan habuk serta kotoran.

→ Pilihlah payung yang sesuai dengan diri dan keperluan, sama ada yang panjang atau boleh dipendekkan. Yang pasti, ia mestilah selesa dan senang digunakan serta tidak membebangkan apabila tidak digunakan.



Pilihlah payung yang sesuai dengan diri dan keperluan. Yang pasti, ia mestilah selesa dan senang digunakan.

## Sambungan dari hal. 5

### Belilah Barang Buatan Malaysia

Pengguna perlu mengurangkan penggunaan barang-barang import kerana harga yang tinggi dan untuk mengelakkan ringgit mengalir keluar. Gantikan dengan barang buatan tempatan. Kita harus yakin dengan kualiti barang-barang buatan tempatan dan rasa bangga menggunakan barang tersebut. Pengguna harus mengelakkan pembelian barang-barang mewah, terutamanya yang diimport seperti kereta, pakaian, aksesori, beg tangan berjenama, barang kemas dan sebagainya. Lawatlah Pameran Barang Buatan Malaysia yang diadakan.

Para pekerja haruslah meningkatkan produktiviti mereka. Sektor pengilangan dan pertanian dapat membantu mengurangkan Imbalan Pembayaran negara dengan

mengeksport hasil-hasil mereka. Barang buatan Malaysia yang berkualiti sama ada pakaian, kenderaan, barang-barang elektrik, tentunya dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

Pengguna harus meningkatkan tabungan. Kalau duit yang dapat dijimatkan dalam keadaan ekonomi sekarang sedikit sahaja, jangan berasa kecewa. Tabunglah setakat yang dapat. Teruskan usaha berjimat-cermat.

### Kesimpulan

Mungkin ada pengguna yang belum sedar dan belum merasai sepenuhnya kesan kegawatan ekonomi yang sedang berlaku. Sungguhpun begitu, pengguna harus bertindak sekarang untuk memainkan peranan mereka sebelum keadaan ekonomi lebih meruncing. Kita harus berkorban dan membantu diri sendiri dan Kerajaan menghadapi kegawatan ekonomi.

Untuk tidak membebankan pengguna yang menyambut Krismas, Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa, kenaikan harga bagi gula, tepung dan susu ditangguhkan sehingga 1 Februari hadapan. Pengumuman tentang kenaikan harga tersebut terpaksa dibuat untuk mengelakkan kekurangan bekalan barang tersebut. Ini kerana pembekal tidak dapat mengimport barang tersebut jika mereka mengalami kerugian akibat kejatuhan ringgit. Pembekal telah berjanji untuk mengawal bekalan kepada pemborong dan peruncit.

Kegawatan ekonomi yang sedang berlaku adalah masalah besar yang memerlukan semua rakyat memberikan sumbangan untuk menghadapinya. Kerajaan berusaha mengekalkan harga di mana boleh. Umpamanya, kenaikan harga bagi minyak kelapa sawit tidak dibenarkan kerana minyak kelapa sawit dihasilkan dalam negeri.

Kalau ada kegiatan menyorok, terutamanya bagi barang-barang kawalan, buatlah aduan segera kepada pejabat-pejabat Kementerian ini. Pemeriksaan yang telah dijalankan menunjukkan bahawa kegiatan menyorok berlaku di beberapa tempat. Kegiatan menyorok akan menyebabkan kekurangan bekalan dan membimbangkan pengguna. Saya ingin mengingatkan pengguna dan peniaga bahawa menyorok barang kawalan adalah satu kesalahan dan boleh didakwa di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Saya telah mengarahkan Bahagian Penguatkuasa Kementerian di seluruh negara mengadakan pemeriksaan mengejut ke atas premis-premis perniagaan.

Walau bagaimanapun, Kementerian tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan ke atas peniaga yang menjual barang-barang bukan kawalan pada harga tinggi. Di sinilah

pentingnya pembeli membuat keputusan membeli dan menjalankan usaha membeli barang dan perkhidmatan dengan bijaksana.

Kenakan harga barang-barang keperluan akan menjelaskan keupayaan membeli

pengguna. Pengguna yang mempunyai pendapatan tetap akan lebih merasakan kesan pengurangan kuasa beli mereka. Mereka haruslah merancang perbelanjaan dengan lebih bijak. Berbelanja haruslah berasaskan nilai murni seperti jimat cermat dan kesederhanaan dalam hidup. Cuba usahakan sendiri penanaman sayur di sekeliling rumah.

Bagi mereka yang tinggal di rumah pangsa atau pangsapuri, mereka boleh menggunakan teknik hidroponik untuk menanam beberapa sayuran yang mudah. Mereka yang mempunyai tanah pertanian hendaklah mengusahakannya sendiri mahupun disewa kepada pengusaha lain supaya dapat mengeluarkan hasil pertanian bagi memenuhi permintaan pasaran.

Saya berharap peniaga tidak menaikkan harga barang makanan dan minuman semasa musim puasa.

Jawatankuasa khas yang dipanggil "**Jawatankuasa Inflasi**" telah ditubuhkan untuk merangka "**Pelan Tindakan Penstabilan Bekalan dan Harga Barang-barang Keperluan**". Jawatankuasa ini dianggotai di antaranya oleh pegawai dari FAMA, Majuikan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Jabatan Pertanian. Fungsi utama jawatankuasa ini ialah mencari jalan bagi mengurangkan tekanan inflasi dalam kegawatan ekonomi negara masa kini.

Pelan tindakan itu yang akan dirangka selaras dengan kehendak **Majlis Bertindak Ekonomi Negara** akan dibentangkan kepada Kementerian untuk tindakan secara sistematik dan bersepaktu. Kementerian ini juga kerap mengadakan perundingan dengan pelbagai sektor perniagaan dan pergerakan pengguna supaya masalah bekalan dan harga barang dapat dihadapi dan diatasi secara bersepaktu.

Saya berharap kita semua sebagai pengguna dapat membaharu azam sempena tahun baru yang menjelang untuk menjadi pengguna yang lebih bijak, terutamanya dalam keadaan ekonomi yang mencabar ini. Dalam masa yang sama, setiap individu dalam masyarakat hendaklah juga bekerja bersungguh-sungguh untuk meningkatkan daya pengeluaran.

*Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob,  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*

